

# LUPAKAH MUSA KEPADA PERISTIWA LAMA?

Es. Bani - 30/11/2007

Oleh: **PENULIS POLITIK**


**R A M A I** yang terkejut dengan ulasan bekas Timbalan Perdana Menteri. Tun Musa Hitam yang mengkritik Tun Dr. Mahathir Mohamad. Menurut mereka adalah hak Musa untuk memberi sokongan penuh terhadap kepimpinan Perdana Menteri kini, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ekoran dari kritikan Dr. Mahathir terhadap Pak Lah. Apa yang dilakukan oleh Musa untuk membela Pak Lah amat dialu-alukan, tetapi agaknya beliau telah lupa kepada perbuatan beliau memalukan Dr. Mahathir apa bila beliau memilih menulis surat dan disebarkan kepada semua ahli-ahli Majlis tertinggi (MT) UMNO mengkritik bosnya ketika itu, Dr. Mahathir.

Dalam satu mesyuarat MT tergepar yang diadakan disebabkan Musa yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri setelah dilantik oleh Dr. Mahathir, Dr. Mahathir telah dipersalahkan oleh MT di atas tindakan Musa mengundurkan diri dari kerajaan dan parti. Dr. Mahathir mendengar semua kritikan terhadapnya dengan tenang.

Selepas itu beliau mengeluarkan sepucuk surat yang ditulis oleh Musa dan disuruhnya salah seorang ahli MT membaca kandungan surat tersebut. Sesudah mendengar apa yang Musa tulis serta tuduhannya terhadap Dr. Mahathir, ahli-ahli MT yang pada mulanya memihak kepada Musa memberi sokongan kepada Dr. Mahathir kerana surat itu di anggap sebagai fitnah dengan memburukkan Dr. Mahathir.

Musa juga telah mengeluarkan kenyataan kepada pihak media di Hong Kong mengkritik Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dengan alasan bahawa kenyataan kenyataan beliau tidak akan disiarkan jika dibuat di Malaysia.

Musa menuduh Dr. Mahathir tidak mengikut tradisi UMNO apabila mengkritik kepimpinan Pak Lah tetapi



**Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi**



**Tun Dr. Mahathir Mohamad**



**Tun Musa Hitam**



**Tengku Razaleigh**

bukankah Musa juga telah melakukan perkara yang sama terhadap Dr. Mahathir suatu ketika dahulu?

Musa juga sudah lupa kepada sokongan penuh Dr. Mahathir terhadap beliau ketika beliau ditentang oleh Tengku-Razaleigh bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO sebanyak dua kali. Tindakan Dr. Mahathir itu menyebabkan Tengku Razaleigh kecil hati kerana Dr. Mahathir menunjukkan yang beliau lebih memihak kepada Musa dalam merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO itu.

## **BERPECAH**

Apabila Dr. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh dalam kabinet dengan melantik beliau sebagai Menteri Perdagangan, Musa dikatakan semakin tidak senang hati di atas keputusan Dr. Mahathir itu dan mendakwa Tengku Razaleigh akan menggunakan kedudukannya untuk

mendapatkan sokongan dari ahli-ahli UMNO seluruh negara.

Justeru, adalah agak biadap bagi Musa menhentam Dr. Mahathir terutama sekali dengan menyebut Dr. Mahathir sebagai "*suffering from severe Post Prime Ministerial Syndrome*". Bunyinya seolah-olah Musa masih lagi berdendam dengan Dr. Mahathir kerana beliau terpaksa mengundurkan diri dari kabinet dan menyalahkan Dr. Mahathir. Rakyat juga tidak mudah lupa kepada tindakan Musa yang memujuk Tengku Razaleigh ketika berada di TEAM B supaya Ku Li menentang Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden UMNO dan Musa pula menentang Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Di atas ini adalah secebis dari perbuatan Musa sehingga perpaduan orang Melayu berpecah dan negara dilihat tidak stabil ketika itu. Dr. Mahathir dalam ulasannya terhadap Musa mengakut bahawa Musalah yang menyebabkan orang-orang UMNO tidak mematuhi tradisi UMNO.